

05 MAY 1999

Abdullah-Isu

ISU ANWAR TIDAK ADA BANYAK PENGARUH DI LUAR

BANGI, 5 Mei (Bernama) -- Isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak banyak mempengaruhi negara asing, malah ia tidak menjejaskan imej Malaysia di mata dunia, kata Duta Khas Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Abdullah Ahmad.

Katanya, sebagai contoh isu Anwar tidak mempengaruhi anggota-anggota PBB ketika pengundian bagi pemilihan anggota Majlis Keselamatan dan Malaysia memenanginya dengan jumlah undi yang amat banyak akhir tahun lepas.

"Di Amerika, memang ada media memainkan isu itu tetapi tidak semua rakyat negara itu terpengaruhnya terutama ahli perniagaan yang lebih pentingkan peluang pelaburan daripada mengambil kira isu politik semasa," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk "Tekanan Ekonomi Dalam dasar Luar Mahathir" di sini.

Beliau ditanya adakah isu Anwar telah memburukkan imej Malaysia di kaca mata dunia termasuk di PBB.

Abdullah berkata pada mulanya ada seorang pegawai kanan Malaysia di PBB yang terpengaruh dengan laporan media berhubung isu itu membuat ramalan bahawa Malaysia tidak begitu mudah dipilih dalam pemilihan tetapi anggapan pegawai itu ternyata tidak benar.

"Isu itu tidak memberi kesan kepada kemuncak pengundian itu malah majoriti anggota memilih Malaysia sebagai ahli Majlis Keselamatan," katanya.

Sehubungan itu, beliau yakin kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berupaya mempertahankan kedudukan dalam pilihan raya umum akan datang berdasarkan kemampuan menyediakan banyak kemudahan bagi rakyat.

Katanya, Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang berani, tegas dan lantang bersuara dan atas sifat itulah beliau dihormati walaupun cadangan beliau berhubung penyusunan semula sistem kewangan dunia tidak disenangi oleh Barat.

Atas sifat Dr Mahathir itu, Barat tidak menyenangkannya kerana mereka lebih suka kepada pemimpin negara membangun yang mudah mengikut telunjuk mereka.

Ketika menyampaikan ceramah, Abdullah berkata dasar luar Malaysia di bawah Dr Mahathir yang fleksibel, pragmatik, bebas dan berkecuali terbukti berjaya untuk negara ini.

Abdullah berkata sebelum Dr Mahathir, dasar luar Malaysia tertumpu semata-mata kepada diplomasi sahaja sedangkan Dr Mahathir adalah pelopor dalam bidang dasar luar via ekonomi dan perdagangan seperti menjadi perintis kepada teknologi maklumat.

Dasar luar Malaysia berubah apabila Dr Mahathir menjadi perdana menteri pada 1981 dan dasar "Buy British Last" adalah "final break" dan tanda pemutus dengan warisan kolonial yang dominan dalam dasar luar negara sebelum itu, katanya.

Menurut beliau, keberkesanan dasar luar Malaysia terletak besar kepada dasar ekonomi yang berkait rapat dengan politik dan diplomasi malah Malaysia adalah antara sebilangan kecil bekas tanah jajahan yang berjaya melalui inisiatif dan bakat tersendiri mengubah lanskap ekonomi dan sosial setelah ratusan tahun dijajah.

Mengenai hubungan Malaysia-Singapura, beliau berkata ada pihak yang suka melihat kedua-dua negara itu sentiasa bertelingkah serta menanam perasaan mencurigakan tetapi mujurlah usaha mereka tidak berjaya.

"Namun kita dan Singapura tetap bersaing dalam konteks untuk kebaikkkan rakyat masing-masing. Malah Singapura selalu berwaspada apabila mereka melihat perhubungan kita dengan mereka terganggu sedikit," katanya dan menambah republik itu juga tidak campur tangan dalam politik dan urusan domestik negara anggota Asean.

-- BERNAMA

ARA FAZ